

**TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA PERTANDINGAN AKHIR DEBAT
INTER - FAKULTI**

**TEMPAT:
KAMPUS INDUSTRI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA**

**TARIKH :
01 APRIL 2006**

TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA PERTANDINGAN AKHIR DEBAT INTER-FAKULTI PADA 01 APRIL 2006 BERTEMPAT DI KAMPUS INDUSTRI KUTKM.

MARILAH KITA MEMANJATKAN KESYUKURAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA HARI INI UNTUK BERKUMPUL DAN MENYAKSIKAN PERTANDINGAN AKHIR DEBAT INTER-FAKULTI YANG DIADAKAN KALI INI. SEMOGA MAJLIS INI MENDAPAT RAHMAT DARI ALLAH S.W.T.

PERTANDINGAN DEBAT YANG TELAH BERLANGSUNG SEJAK 25 MAC YANG LALU TELAH MENJADI MEDAN KEPADA PARA MAHASISWA – MAHASISWI UNTUK MEMBERI PENDAPAT SERTA MEMPERTAHANKAN HUJAH MASING-MASING. BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI SERTA KELAB DEBAT KUTKM PERLU MENGANJURKAN

AKTIVITI INI DARI MASA KE SEMASA. IA SEBAGAI SATU USAHA DARI PIHAK UNIVERSITI UNTUK MELAHIRKAN PARA PENDEBAT YANG BERWIBAWA DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG TELAH LAMA DITUBUHKAN SEPERTI UNIVERSITI MALAYA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA PADA AWALNYA TIDAKLAH MEMPUNYAI PENDEBAT YANG CEMERLANG SEPERTI SEKARANG, TETAPI DENGAN USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH SERTA KOMITMEN YANG BERTERUSAN MAKA MEREKA TELAH BERJAYA MENGHARUMKAN NAMA UNIVERSITI MASING-MASING DALAM ARENA PENDEBATAN.

KITA HARUS BERTEKAD UNTUK MENJADI JUARA DEBAT ANTARA UNIVERSITI SUATU HARI NANTI DAN BERSAING DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG LEBIH AWAL DITUBUHKAN TERSEBUT. KITA TIDAK SAHAJA MELETAKKAN SASARAN UNTUK MENJADI JUARA PADA PERINGKAT KEBANGSAAN TETAPI JUGA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA DAN BERSAING DENGAN *UNIVERSITI* DAN SEBAGAINYA. KITA MESTI MEMPUNYAI KEYAKINAN UNTUK BERJAYA SUATU HARI NANTI *INSYAALLAH*.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

DARI SUDUT SEJARAH, KEPINTARAN BERUNDING DAN BERHUJAH OLEH ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA ALHAJ DALAM BERUNDING SECARA BERHIKMAH PERLU MENJADI DORONGAN KEPADA PENDEBAT-PENDEBAT KUTKM SUPAYA LEBIH BERKEYAKINAN UNTUK MEMBERI

PANDANGAN DALAM FORUM-FORUM PENDEBATAN YANG DIANJURKAN.

BEGITU JUGA DENGAN KEBIJAKSANAAN BERUNDING DAN BERHUJAH YANG DITUNJUKKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN SELEPASNYA SEPERTI TUN ABD RAZAK, TUN HUSSEIN ONN DAN TUN DR. MANATHIR MUHAMAD DALAM MENYELESAIKAN BANYAK ISU SAMA ADA DALAM NEGARA MAHUPUN PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

KEBIJAKSANAAN PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA DALAM MEMBERI PANDANGAN TENTANG ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN PADA PERINGKAT DUNIA SEPERTI KEMISKINAN, EKONOMI, KEGANASAN DAN SEBAGAINYA SENTIASA MENDAPAT PERHATIAN DUNIA, MALAH SENTIASA DINANTI-NANTIKAN. MISALNYA PANDANGAN TUN DR. MAHATHIR MUHAMAD DALAM SIDANG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) SENTIASA MENJADI

FOKUS UTAMA DUNIA APABILA TIBA GILIRAN BELIAU MEMBERI UCAPAN BERKAITAN ISU-ISU DUNIA. BELIAU MERUPAKAN SEORANG YANG KRITIS DAN TEGAS DALAM MEMBERI PENDAPAT SERTA PANDANGANNYA MENJADI RUJUKAN DUNIA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

MAHASISWA-MAHASISWI HARI INI PERLU SEDAR BAHAWA MEREKA ADALAH PELAPIS KEPADA KEPIMPINAN NEGARA SEKARANG DAN PERLU MENGEKALKAN KEWIBAWAAN NEGARA DI MATA DUNIA. DALAM DUNIA YANG SEMAKIN MENCABAR HARI INI, NEGARA MEMERLUKAN GOLONGAN CERDIK PANDAI YANG TERDIRI DARI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI UNIVERSITI UNTUK MENGGALAS TANGGUNGJAWAB MEMIMPIN NEGARA PADA MASA AKAN DATANG. SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN, MEREKA PERLU MEMPUNYAI KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI SERTA HEBAT

DALAM MEMBERI DAN MEMPERTAHANKAN HUJAH APABILA SESUATU PANDANGAN DILONTARKAN.

SESEORANG PEMIMPIN JUGA PERLU MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG TEGAS DAN KUKUH APABILA BERHUJAH. MEREKA MEMERLUKAN BANYAK MAKLUMAT SERTA PERLU MENDAPATKAN BANYAK PANDANGAN BAGI MENGANALISA FAKTA-FAKTA SEBELUM MELONTARKAN SESUATU BUAH FIKIRAN. APABILA SESUATU KEPUTUSAN DAN BUAH FIKIRAN TELAH DILONTARKAN, MAKA MEREKA PERLU BOLEH MENANGKIS SEGALA KRITIKAN YANG DILONTARKAN OLEH PIHAK PENCABAR. DENGAN CARA ITU SESEORANG PEMIMPIN AKAN DAPAT MEMPERTAHANKAN MARUAHNYA DAN MENDAPAT KEPERCAYAAN MASYARAKAT.

SEGALANYA INI TIDAK DAPAT DIBERI OLEH SEORANG PENSYARAH WALAUPUN BERGELAR PROFESOR KOMUNIKASI DALAM BENTUK ILMIAH

ATAUPUN MELALUI PENULISAN SEMATA-MATA, TETAPI IANYA PERLU DISOKONG DALAM BENTUK PENDEDAHAN SECARA PRAKTIKAL SEPERTI DEBAT, FORUM, PIDATO DAN SEBAGAINYA. PADA PERTANDINGAN DEBAT HARI INI, KITA BERHARAP SUPAYA AKAN LAHIR PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT YANG BERWIBAWA DAN BERANI SEPERTI PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG SEDIA ADA. TAHNIAH KEPADA SEMUA AHLI-AHLI PIDATO YANG BAKAL BERTANDING PADA PENTAS DI HADAPAN INI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

BERDIRI DI ATAS PENTAS DAN BERUCAP DI KHALAYAK RAMAI BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH. IANYA MEMERLUKAN KEBERANIAN DAN KECEKALAN. UNTUK BERANI PARA PESERTA DEBAT PERLU MELONTARKAN RASA GERUN BERHADAPAN DENGAN KHALAYAK RAMAI, DAN

SETERUSNYA MELONTARKAN TERUS RASA GERUN KEPADA PIHAK MUSUH YANG AKAN MENJADI PENCABARNYA. APA YANG PENTING IALAH KEBERANIAN UNTUK MEMBERI PANDANGAN SECARA BERNAS DAN KRITIS. SOAL MENANG ATAU KALAH BUKAN PERSOALAN YANG PERLU DIBAWA TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH KREDIBILITI DALAM BERHUJAH.

SETIAP PENDEBAT PERLU MERASA BANGGA APABILA DAPAT MEMBERI SESUATU HUJAH ATAU PANDANGAN. MEREKA JUGA PERLU YAKIN KEPADA DIRI SENDIRI DAN PEKA KEPADA HUJAH-HUJAH PARA PENCABAR. SIFAT-SIFAT INI AKAN DAPAT MEMBENTUK MAHASISWA-MAHASISWI YANG LEBIH PRIHATIN DAN LEBIH TERBUKA APABILA DIKRITIK DALAM KEHIDUPANNYA.

INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN DAPAT MELAHIRKAN GRADUAN KUTKM YANG CEKAL DAN

BERKEYAKINAN TINGGI APABILA TAMAT PENGAJIAN NANTI. KEYAKINAN INI PERLU ADA KEPADA SEMUA GRADUAN KUTKM UNTUK BERJAYA MENDAPAT PEKERJAAN APABILA DITEMUDUGA. ILMU AKADEMIK YANG BAIK SAHAJA TIDAK AKAN DAPAT DIMANFAATKAN APABILA SESEORANG ITU TIDAK DIBERI PELUANG UNTUK BEKERJA KERANA GAGAL DALAM TEMUDUGA.

SEKIAN. TERIMA KASIH.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI, KELAB DEBAT KUTKM DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PERTANDINGAN DEBAT INTER-FAKULTI PADA KALI INI. SEMOGA OBJEKTIF PERTANDINGAN HARI INI TERCAPAI SEPENUHNYA.